

18/01/2003

Rombakan penuh kehendak pengundi

KUANTAN: Rombakan kepemimpinan Badan Perhubungan Umno Kelantan yang diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, menunjukkan Umno sedia melakukan apa saja untuk menyesuaikan parti itu dengan kehendak pengundi, kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak.

Beliau berkata, perkembangan sekarang menunjukkan pengundi mahukan perubahan dan Umno sudah mengotakan janjinya seperti dilakukan di Kelantan.

Bagaimanapun, beliau berkata, perubahan berkenaan mungkin tidak dilakukan di semua negeri, termasuk di Terengganu, kerana ada strategi tertentu yang akan dilaksanakan di sana kelak.

"Umno kini sudah peka dengan tuntutan pengundi yang mahukan perubahan dan apa yang dilakukan presiden parti di Kelantan, membuktikan kita memenuhi kehendak mereka.

"Tindakan ini juga adalah bukti kesungguhan pimpinan parti untuk membawa perubahan di Kelantan yang memerlukan imej baru untuk memberi keyakinan kepada pengundi bahawa Umno kini menjanjikan kepemimpinan dan pentadbiran dengan idea dan semangat baru," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis penyerahan sijil ISO 9001:2000 kepada Amalgamated Metal Builders (AMB) (M) Sdn Bhd, di Kawasan Perindustrian Gebeng dekat sini, petang semalam.

Sijil itu diserahkan Ketua Pegawai Eksekutif Biro Veritas Quality International (BVQI), Osman Abdul Kadir kepada Pengarah Urusan AMB, Datuk Sharif Shamsudin.

Najib berkata, perubahan yang dilakukan itu bertujuan membawa satu era yang lebih cemerlang kepada Kelantan supaya keluar daripada kepompong yang mengecewakan pada masa ini.

Di KUALA LUMPUR, seorang lagi Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata perubahan itu dilakukan bagi kepentingan rakyat Kelantan.

Beliau berkata, perubahan itu adalah perancangan rapi Perdana Menteri selepas mengambil kira pandangan rakyat negeri itu yang mahukan pembaharuan.

"Tindakan itu adalah sesuatu yang perlu dilakukan. Perubahan itu lebih kepada suntikan semangat," katanya.

Muhyiddin berharap barisan kepemimpinan baru itu dapat membantu Ketua Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed dalam merangka strategi yang lebih berkesan untuk kemajuan parti.

"Dengan adanya gandingan lama dengan baru adalah lebih baik kerana yang lama boleh memberi nasihat dan panduan, manakala yang baru mempunyai idea

terkini dan berupaya memberikan imej lebih segar," katanya.